

11 MAR 2000

Khalil-Pencalonan

MT BOLEH MERASA KECEWA KERANA NASIHAT TIDAK DIPATUHI

KUANTAN, 11 Mac (Bernama) -- Tindakan Umno Bahagian Tanah Merah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno boleh menyebabkan anggota-anggota Majlis Tertinggi parti merasa kecewa kerana nasihatnya supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan telah tidak dipatuhi.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata perasaan kecewa itu akan timbul memandangkan keadaan masa ini yang amat memerlukan perpaduan parti dan implikasi boleh timbul berikutan adanya pertandingan merebut jawatan tertinggi parti.

"Nampaknya semalam ada satu bahagian yang tidak mengambil kira nasihat MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak seharusnya dipertandingkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat IT bagi Dewan Undangan Negeri kawasan Beserah, di sini.

Beliau merujuk kepada mesyuarat Umno bahagian Tanah Merah di Kelantan semalam yang mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Sebelum ini, beliau mendapat satu pencalonan bagi jawatan Naib Presiden daripada Umno bahagian Grik yang mengadakan persidangan perwakilannya pada 5 Mac lepas.

Pada mesyuaratnya 3 Jan lepas, MT menasihatkan anggota-anggota Umno supaya tidak mempertandingkan kedua-dua jawatan tertinggi parti itu bagi menjamin perpaduan parti.

Selain itu, MT juga mencadangkan supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Presiden Umno manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula mengambil alih kerusi Timbalan Presiden.

Khalil berkata semua pihak maklum mengenai implikasi yang mungkin tidak boleh dikawal jika berlakunya pertandingan kerana ia akan menjadi sengit dan tidak berkesudahan hanya pada hari pemilihan itu sahaja.

Katanya berdasarkan sejarah Umno, peristiwa seperti itu biasanya akan menyebabkan perpecahan dan kejadian pada 1987 telah membawa kepada pembentukan sebuah parti serpihan yang menentang Umno dalam dua pilihan raya berturut-turut.

"Kalau kita lihat akibat daripada peristiwa yang berlaku itu, maka Umno telah juga diharamkan. Saya percaya dalam dunia ini tidak ada mana-mana parti politik yang diharamkan... kita perlu melihat implikasi jangka panjang dan sederhana akibat pertandingan (jawatan) di peringkat tertinggi," katanya.

Semasa ditanya mengenai kemungkinan bahagian-bahagian lain menuruti langkah Umno Bahagian Tanah Merah itu, Khalil berkata beliau tidak tahu.

"Kita juga telah menyatakan bahawa terpulang kepada bahagian masing-masing. Bahagian boleh menentukan sesuatu dan terpulang kepada budibicara dan kebijaksanaan pemimpin serta ahli-ahli Umno dalam bahagian itu sendiri," katanya.

Mengenai persidangan perwakilan Umno peringkat bahagian, beliau berkata sehingga kini mesyuarat-mesyuarat yang diadakan berlangsung dengan baik.

Kesemua 165 bahagian Umno akan mengadakan mesyuarat masing-masing sehingga 30 April ini.

-- BERNAMA

ROS NAK